

# KED Renungan

HARAPAN:  
**KELUARGA YANG  
 DIKUASAKAN DALAM**



**FOKUS:** Perhubungan **ACARA:** Pentakosta  
**TREND MEDIA SOSIAL:** #DIAadalahkuasa

**PENGENALAN:**

Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Tuhan telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikurniakan kepada kita. (Roma 5:5). Sebuah keluarga yang dikuasakan oleh Roh Kristus akan menunjukkan kecintaan Tuhan di dalam dan melalui kehidupan mereka. Mereka di dalam dunia ini mengalu-alukan keluarga yang penuh dengan kegembiraan dan harapan. Jadi carilah di hati-Nya akan keinginan-Nya di dalam keluarga anda. Jangan sekali-kala menghalang mereka yang lemah. Bersedialah untuk memberi galakkan di antara satu sama lain kerana Tuhan membimbing keluarga anda sebagai saksi. Berdoalah bersama-sama secara berterusan. Dan menyerahkan kehidupan anda kepada kuasa dan tujuan-tujuan-Nya dan sentiasa bersedia untuk melakukan kerja yang anda rasakan Tuhan sedang membuat persiapan untuk keluarga anda.

**DOA PENUTUP:**

Jemput seorang ahli KED untuk berdoa secara spontan

**LAGU PENUTUP:**

## Ajaib Tuhan

Hairan sungguh, bila ku renungkan Rencana dan segenap ciptaan-Mu Ajaiblah, segala ciptaan-Nya Tanda kebesaran-Nya di dunia.

**Korus :**

*Aku memuji kebesaran-Mu  
 Ajaib Tuhan, Ajaib Tuhan  
 Aku memuji kebesaran-Mu  
 Ajaib Tuhan, Ajaib Tuhan.*

Dunia ini , dan semua susunannya Bulan bintang semuanya indah Penduduknya, wujud berbagai bangsa Semua dikasihi oleh-Nya



## DOA PEMBUKAAN:

Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan.

## LAGU PEMBUKAAN:

# Muliakanlah Tritunggal

*(The Living God)*

Nyanyilah bagi Tuhan, Glory Alleluia  
Mari sanjungi Tuhan, Glory Alleluia  
Tiada persekutuan yang sekekal-nya  
Hanya dalam Tritunggal, Glory Alleluia

**# Muliakanlah Tritunggal**  
**Persatuan yang abadi**  
**Bapa, Putra dan Roh Kudus**  
**Tuhan, Raja yang berkuasa**

Allah Bapa di syurga, Glory Alleluia  
Yesus Penebus dunia, Glory Alleluia  
Roh kuduslah penghibur  
dan pendamping setia  
Bertakhtalah Tritunggal,  
Glory Alleluia (#)

## DIALOG:

### Mangkuk Kayu - Sebuah cerita yang menyentuh hati tentang Keluarga, Cinta, Ibu-Bapa & Hubungan

Seorang lelaki tua yang lemah tinggal bersama anak, menantu, dan cucunya yang berusia empat tahun. Tangan orang tua itu kurang berdaya, penglihatannya kabur, dan langkahnya tersekat-sekat.

Mereka makan bersama-sama setiap malam di meja makan. Namun tangan orang tua goyah dan penglihatannya yang kurang jelas menyukarkan pemakanannya. Ini mengakibatkan makanan seperti kacang sering tercipir dari sudunya ke lantai. Dan apabila dia mencapai gelas di meja, susu sering tertumpah pada alas meja. Akibatnya, anak dan menantunya menjadi marah dengan keadaan yang kucar-kacir. "Kita mesti melakukan sesuatu mengenai datuk," kata anak itu. Saya sudah tidak tahan dengan telatahnya yang sering melimpah susu, makan yang bisung, dan menjatuhkan makanan di lantai. Oleh itu, pasangan suami isteri itu menetapkan satu meja kecil di sudut.

Di sana, orang tua itu makan bersendirian sementara anak sekeluarga menikmati di meja makan. Dan sejak datuk terpecah beberapa pinggan mangkuk, makanannya mula dihidangkan dalam mangkuk kayu. Kadang-kala, apabila anak sekeluarga memandang ke arah datuk, air mata kelihatan di matanya ketika dia bermakan sendirian.



Walau demikian, kata-kata kesat kedengaran apabila datuk terjatuh garpu atau tertumpah makanan. Anak cucu yang berusia empat tahun merenung semuanya dengan diam.

Pada suatu petang sebelum makan malam, bapa itu melihat anaknya bermain dengan sisa-sisa kayu di lantai. Dia

bertanya kepada anaknya dengan kasih sayang, "Apakah yang kamu buat?" Anaknya membalas dengan kasih sayang, "Oh, saya sedang membuat mangkuk makan untuk awak dan mama." Budak berusia empat tahun itu tersenyum dan kembali bekerja.

Kata-kata budak itu mengejutkan ibu bapanya sehingga tidak bersuara. Kemudian air mata mereka mula melimpah ke pipi mereka. Walaupun tidak ada perkataan yang diucapkan, mereka sudah tahu apakah yang harus dilakukan. Pada petang itu suami memegang tangan ayahnya dan dengan perlahan-lahan membawanya kembali ke meja keluarga. Sejak itu, mereka bermakan malam bersama-sama sebagai sebuah keluarga. Dan sejak hari itu, suami atau isteri tidak lagi lebih peduli apabila garpu terjatuh, susu tertumpah, atau kain meja menjadi kotor.

**Berkongsilah dengan orang di sebelah anda. Berkongsi lagi untuk kali kedua dengan orang lain**

- Apakah yang menyentuh anda dalam cerita di atas?
- Bagaimanakah budak berusia 4 tahun itu membawa harapan di antara ibu bapanya dan datuknya?
- Berdasarkan pengalaman anda sendiri, bagaimanakah Kristus menguatkan hubungan dalam keluarga anda?

## PENDALAMAN:

### 1 Korintus 13: 4-7

Kasih itu sabar; kasih itu murah hati; ia tidak cemburu. Ia tidak memegahkan diri dan tidak sombong. Ia tidak melakukan yang tidak sopan dan tidak mencari keuntungan diri sendiri. Ia tidak pemarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain.

Ia tidak bersukacita kerana ketidakadilan, tetapi kerana kebenaran.

Ia menutupi segala sesuatu, percaya segala sesuatu, mengharapkan segala sesuatu, sabar menanggung segala sesuatu.

### Refleksi:

1. Baca semula perenggan di atas dan imbas semula kata-kata Tuhan di hati kita.
2. Kongsi perkataan-perkataan atau frasa-frasa dalam perenggan yang menyentuh kita.
3. Bagaimana kita boleh mengeratkan lagi hubungan dengan Tuhan dan satu sama lain?

### Lindakan:

1. Berdoa rosario setiap hari selama 7 hari di kediaman masing-masing untuk Keluarga.
2. Dalam BEC, aturkan lawatan & berdoa untuk orang-orang tua & sakit di rumah-rumah penjagaan yang berdekatan atau rumah-rumah orang tua.